


Pahang sumbang RM20,000 kepada Previna

Oleh **Asrol Awang** - Ogos 3, 2023 @ 2:43pm
bhnews@bh.com.my



Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail menyampaikan biasiswa RM20,000 kepada A Previna, di Kuantan, hari ini. NSTP/Asrol Awang

KUANTAN: Kejayaan A Previna yang menjadi satu-satunya pelajar Malaysia terpilih antara 25 pelajar dari sembilan negara mengikuti program sarjana di Universiti Texas, Austin di Amerika Syarikat (AS) mendapat perhatian kerajaan Pahang.

Previna yang akan mengikuti pengajian peringkat sarjana dalam program Tenaga dan Sumber Bumi di universiti berkenaan menerima biasiswa berjumlah RM20,000 daripada kerajaan Pahang melalui Yayasan Pahang.

Biasiswa itu adalah di bawah skim Biasiswa Kecemerlangan Menteri Besar (BKMB) yang

disampaikan Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail, di Wisma Sri Pahang, di sini hari ini.

Bagi Previna, 28, dia berterima kasih di atas sumbangan biasiswa yang diberikan oleh kerajaan Pahang.

"Tempoh pengajian saya selama dua tahun bermula bulan ini hingga Julai 2025 yang turut mendapat tajaan yuran pengajian daripada Universiti Texas.

"Biasiswa Yayasan Pahang ini sememangnya amat membantu kerana saya akan berangkat ke Amerika Syarikat pada 9 Ogos ini," katanya yang sebelum ini bekerja sebagai ahli geofizik di Kuala Lumpur.

Yayasan Pahang memberikan biasiswa RM20,000 itu bagi pembiayaan tiket penerbangan, visa dan kos lain di awal pengajian.

Pada majlis itu, juga Wan Rosdy turut menyampaikan sumbangan RM5,000 kepada pelajar Kolej Yayasan Pahang Advanced Skills, Tuan Nur Fatin Shazlin Tuan Mustafa, 22, yang meraih pingat perak pada pertandingan memasak di Worldskills ASEAN Singapore 2023, baru-baru ini.